

25 MAY 2002  
Shafie-Iran  
PROTON DIPELAWA BINA KILANG DI IRAN

ALOR SETAR, 25 Mei (Bernama) -- Iran mempelawa Perusahaan Otomobil Nasional Berhad (Proton) mendirikan kilang di negara itu serta mahu meningkatkan kerjasama dalam bidang perdagangan dengan Malaysia yang dianggapnya sebagai sebuah negara Islam yang maju.

Timbalan Menteri Kewangan Datuk Dr Shafie Mohd Salleh berkata Iran juga mahu menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan dan tempat belajar bagi rakyatnya.

Shafie berkata perkara itu disuarakan oleh Speaker Parlimen Iran semasa beliau dan anggota-anggota Parlimen Malaysia yang diketuai Timbalan Speaker Dewan Rakyat Datuk Mohamad Abdullah melawat negara-negara di Asia Barat baru-baru ini.

"Mereka mempelawa Proton membina kilang selain memindahkan teknologi pembuatannya kerana Malaysia adalah satu-satunya negara Islam yang mempunyai kepakaran dalam mengeluarkan kereta," katanya pada sidang media selepas merasmikan Kem Siber 2002 di Universiti Utara Malaysia (UUM) di Sintok dekat sini semalam.

Kem anjuran Yayasan Pembangunan Masyarakat Kubang Pasu dan UUM itu disertai hampir 300 pelajar termasuk 40 pelajar Yayasan Bistari Kuala Langat, Selangor.

Dr Shafie berkata Iran mahu rakyatnya melancong dan menuntut di di Malaysia dan tidak lagi di Amerika Syarikat.

"Namun, mereka mahukan jaminan supaya penuntut mereka mendapat kemudahan tempat tinggal yang sempurna dan kawalan," katanya.

Beliau berkata rakyat negara itu turut berminat mendapatkan rawatan pakar di pusat-pusat perubatan di Malaysia kerana kosnya lebih murah.

Dr Shafie berkata bahawa dalam lawatan oleh rombongan anggota Parlimen Malaysia itu, negara-negara Islam telah diminta membeli lebih banyak minyak kelapa sawit dari Malaysia.

Beliau berkata hasil perbincangan dengan Speaker Parlimen Iran itu akan dimaklumkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk tindakan kerajaan.

-- BERNAMA  
MAN MAI